

lokal

BAPA Allahyarham Muhammad Raafi. Ab Razak naik ke pentas untuk menerima Anugerah Anumerta daripada Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrrie Zainuddin di Kuantan.

Ayah tabah terima anugerah dalam hiba

Kuantan: Biarpun sebak namun Ab Razak Ahmad, 67, menguatkan semangat naik ke pentas bagi menerima Anugerah Anumerta buat Allahyarham anaknya pada Majlis Konvokesyen **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** ke-17 di Kompleks Sukan UMP di sini, kelmarin.

Ketika ibu bapa lain gembira hadir menyambut kejayaan anak mereka menamatkan pengajian, Ab Razak dan Norhana Hanim Abdullah, 65, melaluinya dalam suasana hiba.

Anugerah disampaikan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrrie Zainuddin kepada Ab Razak bagi pihak Allahyarham Muhammad Raafi, 22, graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga dan Persekitaran) Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam.

Muhammad Raafi meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya pada 15 Oktober tahun lalu.

Ab Razak berkata, walaupun hasrat melihat anak bongsunya naik ke pentas

untuk mengambil ijazah tidak kesampaian, dia berbangga dengan pencapaian Allahyarham Muhammad Raafi.

"Kalau ikut lumrah hidup, sepatutnya saya pergi dahulu, tetapi kuasa Allah SWT melebihi segalanya.

"Saya reda dengan ketentuan dan berbangga dengan kejayaan Allahyarham seperti anak lain."

"Bagi menghargai perjuangannya yang mengikuti pengajian selama ini, saya sanggup menghadiri dan

mewakili Allahyarham untuk naik ke pentas konvokesyen menerima ijazah pada pihaknya.

"Allahyarham Muhammad Raafi rapat dengan saya sejak kecil lagi dan sering menyatakan hasrat mengikut jejak abang dan kakaknya yang masuk universiti.

"Memandangkan kami tidak pernah berjauhan, Muhammad Raafi memilih UMP sebagai destinasi menyambung pengajian kerana berhampiran rumah kami di Pekan, Pahang," katanya.